

11/07/1998

Perasmian Kompleks Sukan Negara meriah

Hussain Said

PEMBUKAAN rasmi Kompleks Sukan Negara (KSN) Bukit Jalil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini akan berlangsung dalam upacara gilang-gemilang serta penuh berwarna-warni.

Kira-kira 100,000 peminat dijangka membanjiri kompleks berharga RM1.28 billion itu untuk turut menyaksikan satu lagi mercu tanda kebanggaan negara.

Selain persembahan video dan pancaran laser yang memaparkan beberapa bentuk menarik, termasuk pancutan air berwarna-warni, pembukaan rasmi KSN akan turut diserikan oleh persembahan artis tempatan. Beberapa tarian dan kebudayaan negara akan turut dipersembahkan.

Di majlis itu, Dr Mahathir akan mengumumkan nama rasmi setiap lima stadium di kompleks berkenaan yang mengandungi stadium utama, stadium tertutup, stadium hoki, pusat skuasy dan pusat akuatik.

Ketua Penolong Setiausaha Urusetia Unit Sukan Komanwel, Kementerian Belia dan Sukan, Naim Abu Bakar, berkata segala perancangan untuk pembukaan rasmi KSN berjalan lancar.

"Semuanya berjalan lancar dan hanya menunggu detik dan ketikanya saja. Kami berharap peminat tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan pembukaan rasmi kompleks sukan terancang ini," katanya semalam.

Dr Mahathir akan turut merasmikan stesen Sistem Transit Aliran Ringan (STAR-LRT) di Bukit Jalil serta melancarkan teksi Petronas.

"Perdana Menteri akan ke stadium utama dengan menaiki teksi Petronas sambil diiringi 20 penunggang kuda, lapan teksi, tujuh bas dan 20 pemegang bendera di sepanjang jalan masuk ke stadium," katanya.

Naim menjangka beribu-ribu peminat akan mula membanjiri lapangan KSN pagi ini untuk menyertai pesta sukan.

"Antara acara utama pesta itu ialah larian ria, bola sepak lima sebelah, bola tampar, belon udara serta permainan gasing dan layang-layang. Ia akan disertai badan kerajaan, syarikat swasta dan pelajar sekolah," katanya.

Pembukaan rasmi KSN turut membuktikan kepada dunia luar bahawa Malaysia sudah bersedia menganjurkan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI dari 11 hingga 21 September ini.

(END)